



SEKRETARIAT
JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SARAWAK
(WABAK RABIES)

LAPORAN HARIAN
WABAK RABIES DI NEGERI SARAWAK
8 JUN 2018

1. Laporan **Jabatan Perkhidmatan Veterinar Sarawak** bagi Statistik Survelan Wabak Penyakit Rabies.

Perkara	Anjing (Ekor)	Kucing (Ekor)	Haiwan Lain (Ekor)	Jumlah (Ekor)
Program Pemvaksinan Dan Survelan Haiwan Kesayangan.	55,503	8,092	53	63,648
Keputusan Bilangan Sampel Positif	123	10	0	133
Pengawalan Populasi Anjing Terbiar	7,105	0	0	7,105

Perkara	Kempen	Peserta
Kempen Kesedaran Wabak Rabies	1,380	48,035

JPVS sentiasa mengingatkan semua pihak supaya mengelak haiwan kesayangan samada telah divaksin atau belum dari bercampur dengan haiwan terbiar dan memerhati perubahan sikap haiwan tersebut daripada jinak kepada ganas, menggigit sebarang benda bergerak, hidrofobia terhadap air dan cahaya, menyendiri dengan air liur berlebihan dan kelihatan gelisah. Haiwan yang menunjukkan tanda-tanda tersebut hendaklah dilaporkan kepada JPVS ditalian **082-612949** atau **082-611607** dengan segera.

JPVS ingin mengingatkan bahawa dibawah Seksyen 37(2) & (3) Ordinan Kesihatan Awam Veterinar 1999, adalah menjadi kesalahan untuk membiarkan anjing lepas bebas dan membawa anjing keluar dari kawasan wabak Rabies

tanpa kebenaran bertulis daripada *State Veterinary Authority*. Denda tidak melebihi RM5,000 atau penjara tidak melebihi 3 bulan atau kedua-duanya jika sabit kesalahan.

Pemilik anjing hendaklah memastikan anjing mereka disuntik vaksin anti Rabies dikawasan wabak. Kegagalan berbuat demikian boleh disabit kesalahan dibawah Seksyen 40, Ordinan Kesihatan Awam Veterinar 1999. Denda tidak melebihi RM2,500 dan anjing yang ditangkap tanpa bukti pemvaksinan anti-Rabies boleh ditahan dan dimusnahkan.

2. Laporan harian **Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak** bagi kes gigitan haiwan dan orang yang menerima suntikan vaksin anti-Rabies.

Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak memaklumkan bahawa sebanyak **47 kes gigitan baru** dilaporkan pada hari ini, **peningkatan sebanyak 1 kes atau sebanyak 2.2% berbanding dengan hari sebelumnya**. Sebanyak **27 kes (57.4%) melibatkan gigitan anjing peliharaan**, di mana sebanyak 22 kes (81.5%) melibatkan anjing peliharaan manakala lima (5) kes (18.5%) melibatkan anjing tidak bertuan. Lain-lain kes adalah **gigitan kucing peliharaan sebanyak 19 kes (40.4%)** serta **satu (1) (2.2%) kes gigitan monyet peliharaan**.

Kes Gigitan Haiwan Mengikut Bahagian		
Bahagian	Jumlah Kes Baru (8 Jun 2018)	Jumlah Kes Kumulatif Gigitan Haiwan (Mulai 1 April 2017)
Kuching	21	4,979
Samarahan	2	733
Serian	15	3,166
Sri Aman	9	930
Betong	0	180
Sarikei	0	257
Jumlah Keseluruhan	47	10,245

Kes Gigitan Haiwan Baru Mengikut Jenis Haiwan (8 Jun 2018)				
Perkara	Jumlah Kes Mangsa Gigitan (kes)			
	Anjing	Kucing	Monyet	Jumlah
Haiwan Peliharaan	22	19	0	41
Haiwan Liar atau Tidak Bertuan	5	0	1	6
Jumlah	27	19	1	47

Perkara	Kes Kumulatif Gigitan Haiwan (Mulai 1 April 2017)	Bilangan Kumulatif Yang Telah Menerima Suntikan Vaksin Anti-Rabies (Mulai 1 April 2017)
Jumlah	10,245 kes	3,810 orang / 37.2%

Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak ingin menasihati orang ramai yang mempunyai sejarah gigitan anjing/haiwan tinggal di terutama sekali mereka yang tinggal di bahagian-bahagian telah diisytiharkan sebagai kawasan wabak agar mengambil langkah-langkah pencegahan berikut:

- ✓ Cuci bahagian tubuh yang digigit anjing atau haiwan lain dengan sabun dan air mengalir selama 15 minit bagi menghilangkan kesan air liur. Mesti dapatkan rawatan segera di klinik kesihatan atau hospital.
- ✓ Pastikan anjing atau kucing peliharaan telah mendapat suntikan anti-rabies di klinik haiwan;
- ✓ Jika anjing atau kucing peliharaan didapati tidak sihat atau agresif dapatkan rawatan di klinik haiwan dan laporkan ke Jabatan Perkhidmatan Veterinar setempat;
- ✓ Elakkan kontak dengan anjing liar dan haiwan liar;
- ✓ Laporkan kepada Pihak Berkuasa Tempatan jika terdapat anjing liar yang berkeliaran di kawasan tempat tinggal; dan
- ✓ Sentiasa mengekalkan tahap kebersihan diri yang tinggi seperti amalan membasuh tangan dengan menggunakan air dan sabun selepas kontak dengan anjing dan haiwan peliharaan.

Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak juga ingin mengingatkan semula kepada semua Pengamal Perubatan swasta untuk melaporkan semua kes gigitan haiwan kepada Pejabat Kesihatan Bahagian/Daerah yang berdekatan serta

membuat rujukan kes gigitan haiwan ke fasiliti kerajaan terutamanya di kawasan yang telah diisytiharkan sebagai kawasan wabak Rabies.

3. Kawasan Yang Telah Diisytihar Wabak Rabies

Sehingga hari ini jumlah keseluruhan kawasan yang telah diisytiharkan Wabak Rabies adalah sebanyak **31 kawasan dari 5 Bahagian iaitu Kuching (5), Samarahan (3), Serian (21), Sri Aman (1), dan Sarikei (1).**

BIL	BAHAGIAN	KAWASAN YANG DIISYTIHAR WABAK RABIES
1.	Kuching	Lorong 11, Batu 5, Jalan Semaba
2.		Wet Market Sg Maong
3.		Kampung Serikin
4.		Taman Alamanda Indah Matang
5.		Kampung Selarat Sematan, Daerah Lundu
6.	Samarahan	Kampung Sampun Gerunggung, Asajaya
7.		Kawasan Pasar Simunjan
8.		Kampung Gawang Empili, Simunjan
9.	Serian	Kampung Kerait
10.		Kampung Paon Rimu
11.		Kampung Paon Rimu Bakong
12.		Kampung Remun
13.		Kampung Lebor
14.		Kampung Seroban
15.		Kampung Tangga
16.		Kampung Ampungan
17.		Kampung Mentong Berawan
18.		Mentong Silaga
19.		Kampung Engkabang

20.		Kampung Tampek Sumpas
21.		Kampung Rasau
22.		Pekan Siburan
23.		Bandar Serian
24.		Batu 45 Kuching-Serian
25.		Kampung Temong Mura
26.		Kampung Entubuh
27.		Kampung Kuala Jalan Gedong
28.		Kampung Telagus Serian
29.		Ladang Masranti, Telagus
30.	Sri Aman	Rh. Janta, Punggu Mawang
31.	Sarikei	SMK Julau No. 2

Disediakan oleh:

Bilik Gerakan Negeri Sarawak

Sekretariat Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sarawak

08.06.2018